



**WALAUPUN** mudah dilafazkan, sumpah memberikan implikasi besar terhadap budaya dan umat Islam. - Gambar hiasan

## Amalan budaya barat?

PENSYARAH Kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar berkata, kaedah bersumpah menggunakan atau bersaksikan al-Quran dianggap menyerupai amalan ajaran agama lain dari barat.

Ini katanya, kerana tiada dalil mahupun hujah yang membenarkan perbuatan itu walaupun ketika zaman pemerintahan Rasulullah SAW.

"Islam tidak mengajar umatnya bersumpah, sama ada menggunakan, memegang atau menjunjung kitab al-Quran sebagaimana yang berlaku, sebaliknya yang dinyatakan adalah menggunakan nama atau sifat daripada Allah SWT.

"Justeru, jika diperhatikan sumpah menggunakan kitab ini adalah menyerupai amalan yang dipraktikkan oleh agama lain di barat. Lazimnya mereka akan menggunakan kitab ajaran mereka untuk bersumpah yang dilakukan di rumah ibadat.

"Perbuatan bersumpah menggunakan al-Quran tidak berasas dan ia adalah pembawaan yang digunakan oleh barat," tegasnya yang juga merupakan Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD).

Malah, menurut Wifaq, sumpah dengan bersaksikan atau menggunakan al-Quran tidak diterima jika disandarkan kepada sifat cetakan kitab al-Quran tersebut.

"Sumpah menggunakan al-Quran juga tidak diterima walaupun bersaksikan kitab al-Quran jika hanya bersandarkan pada kertas dan tulisan di dalam mashaf al-Quran itu semata-mata tanpa menyebut nama Allah SWT atau sifatnya.

"Sedangkan sahabat ketika zaman era pemerintahan Nabi Muhammad SAW juga tidak pernah melakukan amalan bersumpah menggunakan al-Quran.

"Begitu juga sandaran yang

digunakan oleh mazhab Imam Syafie yang menggariskan hukum makruh ke atas amalan bersumpah sama ada menggunakan nama Allah SWT atau sifatnya," katanya.

### Simbol kepincangan

Dalam pada itu, Wifaq berkata, amalan sumpah yang semakin berleluasa dalam kalangan umat Islam menunjukkan perubahan negatif yang perlu dikawal dalam sesebuah masyarakat.

Ini katanya kerana, menzahirkan kepada petanda kepincangan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

"Merujuk kepada definisi sumpah iaitu menguatkan sesuatu kenyataan yang diragui dengan mengesahkan menggunakan nama Allah SWT atau sifatnya.

"Oleh itu, amalan bersumpah yang semakin berleluasa dalam kalangan umat Islam seolah-olah

menunjukkan tiada lagi kepercayaan sesama umat Islam.

"Ia berbeza sebagaimana sabda Rasulullah SAW maksudnya; "Tidak sempurna iman seseorang itu selagi dia tidak mengasihi saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri," ujarnya.

Justeru tambahnya, umat Islam dinasihatkan agar tidak mudah menyatakan sumpah terutamanya pada perkara remeh.

"Amalan sumpah ini tidak boleh dijadikan budaya dalam masyarakat Islam. Ia boleh dilakukan tetapi setelah tiada kaedah atau penyelesaian lain yang boleh diambil untuk membuktikan sesuatu.

"Ini kerana bagi mengelakkan persepsi negatif atau memusnahkan kepercayaan masyarakat luar atau bukan Islam terhadap institusi agama Islam yang dikatakan mementingkan persaudaraan," jelasnya.



**AHMAD WIFAQ MOKHTAR**